

09/03/1999

PM mulakan program temui rakyat

Hassan Omar

ALOR STAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memulakan program bertemu rakyat dalam siri penjelajahannya ke seluruh negara dengan melawat Kedah selama dua hari, bermula 21 Mac ini.

Perdana Menteri dijangka menyampaikan ucapan kepada kira-kira 40,000 orang di Stadium Darul Aman mengenai perkembangan politik dan pembangunan negara.

Dr Mahathir dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Kepala Batas, dekat sini pada jam 12 tengah hari, 21 Mac dan disambut Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid serta kira-kira 3,000 pegawai kerajaan negeri, pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) dan pemimpin masyarakat.

Beliau dijadual mengadakan perjumpaan secara tertutup dengan Badan Perhubungan Umno negeri, Pergerakan Pemuda Umno dan Pergerakan Wanita Umno negeri di Bilik Gerakan, Wisma Darul Aman, di sini pada jam 2.30 petang.

Ia disusuli perjumpaan dengan kira-kira 2,000 ahli jawatankuasa parti komponen BN di Dewan Seri Negeri, sejam selepas itu.

Setiausaha Jawatankuasa Lawatan Perdana Menteri, Ahmad Lebai Sudin, berkata Dr Mahathir akan menyampaikan amanat kepada kira-kira 40,000 orang di stadium terbabit, jam 9 malam.

Antara yang dijadualkan hadir dalam perhimpunan raksasa itu ialah ahli jawatankuasa bahagian dan cawangan parti komponen BN, pertubuhan belia, persatuan nelayan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pegawai dan kakitangan kerajaan serta pelbagai pertubuhan lain, katanya di pejabatnya di sini hari ini.

Ahmad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Makanan dan Gejala Sosial negeri, berkata program pada 22 Mac akan dimulakan dengan Perdana Menteri dijadualkan menaiki bot menyusuri Sungai Kedah kira-kira jam 8 pagi.

"Selepas menaiki bot selama satu jam, Perdana Menteri dijadualkan berjumpa dengan pemimpin masyarakat dan pegawai kerajaan di Dewan Seri Negeri.

"Antara yang dijadualkan menghadirinya ialah pegawai kerajaan negeri (KCS), pegawai jabatan dan agensi persekutuan, pensyarah universiti dan maktab perguruan, guru besar, imam dan penghulu," katanya.

Perdana Menteri dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur pada jam 11 pagi.

(END)